

# Tambah RM150 lagi

**Kerajaan umum tawaran akhir kepada pemilik tanah Kampung Baru**

NURHIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

**K**erajaan semalam mengumumkan harga tawaran baharu pembelian tanah Kampung Baru di sini bernilai RM1,000 bagi setiap satu kaki persegi berbanding RM850 sebelum ini.

Tambahan harga RM150 setiap kaki persegi itu bagaimanapun akan diperoleh dalam bentuk pegangan saham dalam Syarikat Tujuan Khas (SPV) yang akan ditubuhkan kelak.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad berkata, pegangan saham tersebut akan menjamin hak pemilikan tanah pemilik asal dan seterusnya mereka akan mendapat manfaat daripada pembangunan di kawasan segi tiga emas itu.

Menurutnya, tawaran RM850 bagi satu kaki persegi itu pula merangkumi pilihan pulangan sama ada dalam bentuk tunai, unit



siap (rumah), kombinasi pulangan tunai dan unit siap (rumah) serta pegangan saham dalam SPV.

"Perincian dari segi struktur pegangan saham akan diperhalusi oleh agensi-agensi kerajaan berkaitan dan akan dimuktamadkan sebelum perjanjian ditandatangani kelak.

"Bagi pemilik yang memilih dalam bentuk hartanah atau aset, potongan harga sebanyak 15 peratus akan diberikan untuk pembangunan yang akan dilaksanakan kelak.

"Sebagai contoh, harga rumah Residen Wilayah yang dibangunkan di Kampung Baru ini akan dijual kepada pemilik tanah pada harga RM255,000 seunit sahaja dengan keluasan lantai 900 kaki perse-

gi berbanding harga biasa iaitu RM300,000 seunit," katanya pada sidang akhbar khas pengumuman cadangan tawaran baharu tanah Kampung Baru di sini semalam.

Khalid berkata, pemilik perlu menetapkan pilihan bentuk pulangan yang mahu diperoleh dari peringkat awal dan tidak dibenarkan membuat pertukaran pilihan selepas menandatangani persetujuan tersebut.

Menurutnya, tawaran berkenaan adalah yang terakhir dan terbaik boleh diberikan kerajaan kepada 825 pemilik lot di Kampung Baru selepas dua siri pertemuan bersama Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Pada sesi pertemuan bersama penduduk pada

**Ini tawaran terakhir.**

**Apa kita akan buat selepas ini adalah turun dan bertemu pemilik setiap lot dan jelaskan. Sama ada mereka setuju atau tidak, biar atas dasar pemahaman jelas." - Khalid Samad.**

September, sebanyak 1,371 daripada 2,500 borang maklum balas sudah diterima. Daripada jumlah itu, 96 peratus sudah menyetujui per persetujuan mereka.

"Ini tawaran terakhir. Apa kita akan buat selepas ini adalah turun dan bertemu pemilik setiap lot dan jelaskan. Sama ada mereka setuju atau tidak, biar atas dasar pemahaman jelas. Saya rasa mereka masih ada yang tidak faham," katanya.

Tarikh akhir bagi penyerahan borang maklum balas itu ditetapkan pada 30 November depan.

September lalu, Khalid mengumumkan tawaran harga RM850 kaki persegi atau RM6 juta bagi lot 8,000 kaki persegi untuk pembangunan semula atas tanah seluas 62 hektar.